



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

LONJAKAN REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM MENERUSI PELANCARAN BUKU “PENGHAYATAN H.E.M.A.T. – MENJUNJUNG ASPIRASI, MEMACU PRESTASI”

Kota Bharu, Kelantan, 29 Ogos 2024 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terus memperkukuhkan Reformasi Perkhidmatan Awam (*Civil Service Reform*) sebagai lonjakan merealisasikan agenda Malaysia MADANI dalam ikhtiar memperkukuhkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam serta kesediaan untuk melakukan perubahan dalam penyampaian aspirasi H.E.M.A.T. oleh YBhg. Dato’ Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), sempena Program Bitara INTAN Bicara Aspirasi H.E.M.A.T.: Menjunjung Aspirasi, Memacu Prestasi pada hari ini.

Seruan dan gesaan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam bukan perkara baharu, malah ia turut menjadi mekanisme utama dalam memperincikan gerak kerja untuk membangunkan tatakelola lebih efisien menerusi nilai-nilai penting yang harus dipegang dan diamalkan di seluruh peringkat organisasi.

“Saya amat berbesar hati dan menyahut baik seruan YAB Perdana Menteri dalam usaha mereformasikan perkhidmatan awam dengan segera, demi membangunkan kompetensi awam dalam pelbagai aspek terutamanya dalam memberi nilai tambah kepada daya saing agar sentiasa progresif. Ia selaras dengan Aspirasi H.E.M.A.T. sebagai gagasan yang melangkaui ekspektasi rakyat seperti yang telah diperkenalkan”.

YBhg. Dato’ Sri KPPA yang ditemui pada hari ini turut meluncurkan “Buku H.E.M.A.T.: Menjunjung Aspirasi, Memacu Prestasi” dengan berpandangan realistik bahawa Pegawai Awam mampu menghayati komitmen kepimpinan

tertinggi Kerajaan, dalam konteks “Taat Setia” yang turut ditegaskan oleh YBhg. Datuk Seri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini.

Terdahulu, **H.E.M.A.T.** merupakan aspirasi baharu Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan oleh YBhg. Dato’ Sri KPPA pada Februari 2024 yang lalu dengan merujuk kepada **kewaspadaan Pegawai Awam dalam tindakan, serta ketelitian dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.** Tekad tersebut turut memperincikan tiga (3) prinsip penting iaitu “**memudahkan urusan pemegang taruh dan pelanggan (*Facilitate*), menyesuaikan cara kerja selari dengan agenda Kerajaan (*Accommodate*) dan menyegerakan pelaksanaan segala keputusan Kerajaan (*Accelerate*)”.**

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 29 Ogos 2024
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (74)